

PAS SUSUN strategi berbeza dari 1978

ALOR SETAR, Isnin — PAS telah menetapkan strategi untuk menghadapi pilihanraya umum akan datang. Datuk Sudin Wahab, seorang anggota Jawatankuasa Agung PAS memberitahu hari ini, strategi partinya kali ini jauh berbeza dari strategi 1978.

"Kali ini, PAS akan menitikberatkan ketokohan calon-calonnya untuk menentukan persaingan tokoh lawan. Pekerja-perkerja parti tidak akan terlibat lebih kuat dalam kempen kita," katanya.

Menurut Datuk Sudin calon-calon PAS akan terdiri dari golongan intelek, akademik dan agama.

Katanya, strategi PAS untuk pilihanraya telah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Agung yang dipengerusikan oleh presiden parti, Datuk Haji Mohamed Asri Haji Muda di Kuala Lumpur 3 Februari lalu.

"Walaupun PAS akan menumpukan tenaganya di Kedah, Perlis, Kelantan dan Trengganu, ini tidaklah bermakna kami mengenenepikan lain-lain negeri," katanya.

Beliau yakin calon-calon PAS di lain-lain kawasan juga akan mencapai kejayaan.

Datuk Sudin berkata, PAS telah menerima 2,300 permohonan untuk menjai ahli dari Disember lalu sehingga sekarang.

"Kebanyakan dari permohonan itu datang dari Kelantan dan Trengganu.